

20/11/1997

MSC pangkalan bangunkan produk

7" by Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Rabu -Britain mahu menjadikan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia sebagai pangkalan bagi kegiatan pembangunan produk, kandungan teknologi maklumat (IT), multimedia dan pemasaran bagi rantau ini.

Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, David Moss, berkata ini berdasarkan inisiatif syarikat dan institusi kedua-dua negara yang mahu membentuk lebih banyak kerjasama berasaskan konsep perkongsian pintar.

Beliau yakin pelaburan lebih besar akan menyusul dalam pelbagai aplikasi perdana MSC berikutan lawatan seminggu 60 ahli korporat mewakili 45 syarikat Britain ke negara ini sejak Isnin lalu.

"Lawatan sekumpulan besar ahli korporat itu membuktikan komitmen Britain menjadikan MSC sebagai tempat pembangunan produk, kandungan IT, multimedia dan pemasaran di rantau ini.

"Apatah lagi ia adalah rombongan terbesar ahli korporat Britain yang pernah dianjurkan Jabatan Perdagangan dan Industri hasil promosi MSC oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Britain Mei lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar dan Pameran Mikroelektronik Dalam Perniagaan di Taman Teknologi Malaysia (TTM) di sini, hari ini.

Turut hadir Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos Bhd, Datuk Tengku Mohd Azzman Shariffadeen dan kira-kira 150 ahli korporat tempatan dari pelbagai sektor IT.

Seminar sehari itu anjuran bersama Jabatan Perdagangan dan Industri Britian dan Mimos Bhd bertujuan menemukan ahli korporat kedua-dua negara.

Antara syarikat dari Britain itu ialah Motorola, Plextek, Persatuan Perniagaan Semikonduktor Britain yang diwakili tujuh syarikat mikroelektronik dan empat universiti.

Menurut Moss, lawatan ahli korporat Britain itu akan memberi kesan positif dalam membentuk lebih banyak hubungan kerjasama syarikat kedua-dua negara.

(END)